

**SOALAN NO. 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' MOHD ARIFF  
SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]

**TARIKH :** 17 MEI 2016

**SOALAN :**

**YB Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]** minta PERDANA  
**MENTERI** menyatakan :-

- (a) PAC merujuk kepada Laporan Audit Negara, mengapakah rujukan induk ini tidak diberi kepada Ahli Parlimen; dan
- (b) apakah asas untuk mengklasifikasikan Laporan Audit Negara di bawah Akta Rahsia Rasmi.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan Pengauditan 1MDB yang dijalankan Jabatan Audit Negara hanya dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) selaras dengan keputusan Kabinet pada 4 Mac 2016 yang mengarahkan Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan hasilnya dibentangkan kepada PAC. PAC menggunakan Laporan Pengauditan 1MDB berkenaan sebagai rujukan dalam menyediakan Laporan PAC berhubung Kawalan Pengurusan Tadbir Urus Syarikat 1MDB yang dibentangkan ke Dewan Rakyat pada 7 April 2016.
- b) Laporan Pengauditan 1MDB Jabatan Audit Negara (JAN) diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi memastikan tidak ada kebocoran maklumat semasa PAC menjalankan prosiding terhadap isu ini. Laporan Pengauditan terhadap 1MDB adalah khusus untuk PAC.

Sekian, terima kasih.